




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

Ayam, telur cukup untuk musim raya

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Be	Negara	9	27 Feb



GAMBAR fail seorang penjual memotong ayam di sebuah gerai ayam segar di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam baru-baru ini.

Ayam, telur cukup untuk musim raya

- **FAMA telah beli 188.89 tan ayam**
- **Lebih 2.4 juta telur disediakan elak kurang bekalan**

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membeli 188.89 tan ayam dan 2,486,022 biji telur ayam secara belian terus melalui 42 pusat operasi bagi memenuhi bekalan ketika musim perayaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah awal bagi memastikan bekalan makanan utama cukup sekali gus mengelak berlakunya kenaikan harga barang di pasaran.

"Melalui langkah intervensi pemasaran kelapa tua dengan kerjasama FAMA Corporation Sdn. Bhd., syarikat itu dianggar

DEWAN RAKYAT

akan membeli 640 tan kelapa tua, selain mengimport 576 tan kelapa dari Indonesia.

"FAMA juga membuka pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna, meliputi penjualan sayur, buah dan hasilan ternakan di samping merangka program jualan praSyawal di premis Pasar Tani dan Jualan Agro Madani seluruh negeri," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) mengenai langkah awal yang diambil kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama men-

cukupi menjelang Aidilfitri.

KPKM juga katanya, sentiasa memastikan bekalan import mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna berikutnya permintaan seperti cili, tomato dan halia adalah tinggi pada bulan sebelum dan bulan perayaan utama di Malaysia.

"Bagi memastikan bekalan makanan dapat diakses pengguna, FAMA akan memastikan bekalan turut dijual menerusi premis pemasaran FAMA dan program jualan terus yang dilaksanakan pada harga yang munasabah," katanya.

KPKM juga meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk fidiot dan sembelihan dari negara yang diluluskan untuk import iaitu Australia dan Thailand.

Selain itu, KPKM turut meneruskan kemasukan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan ayam dari negara pengekspor seperti, Australia, Brazil, Thailand dan India.

FELCRA sasar pengeluaran 1.5 juta ayam setahun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	9	27 Feb

FELCRA sasar pengeluaran 1.5 juta ayam setahun

Kompleks ternakan seluas 20 hektar di Kuala Rompin bantu agenda keterjaminan makanan negara

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Rompin: FELCRA menyasarkan pengeluaran 1.5 juta ayam pedaging setahun melalui Kompleks Ternakan Ayam Pedaging (Sistem Tertutup) FELCRA Berhad di Tanjung Seratus, dekat Kuala Rompin, di sini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kompleks seluas 20 hektar itu beroperasi sepenuhnya bulan ini dengan 10 reban ternakan, setiap satu menampung 30,000 ekor ayam dalam setiap pusingan.

Beliau berkata, dianggarkan setahun kompleks ternakan selaku projek mega dibangunkan menggunakan peruntukan geran RM60 juta di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-12 ini mampu mengeluarkan secara konsisten 1.5 juta ekor ayam setahun.

"Projek mega ini dibangunkan menggunakan peruntukan geran berjumlah RM60 juta di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-12.

"Peruntukan ini adalah keyakinan kerajaan kepada FELCRA Berhad dalam melaksanakan aktiviti keterjaminan ma-



Ahmad Zahid mendengar penerangan Pengarah Urusan FELCRA Food Industries Sdn Bhd, Dr Mohamad Shafie M Lojong (kanan) ketika melawat Kompleks Ladang Ternakan Ayam Pedaging (Sistem Tertutup) FELCRA di Tanjung Seratus, Rompin, semalam.

(Foto BERNAMA)

kanan negara.

"Sistem ternakan ayam secara tertutup ini menggabungkan teknologi moden dan amalan perternakan baik yang membolehkan ayam mencapai berat ideal dalam tempoh antara 28 hingga 30 hari, lebih cepat berbanding sistem terbuka," katanya ketika berucap merasmikan kompleks itu, semalam.

Tuntut kerjasama erat

Dalam pada itu, Ahmad Zahid menegaskan kerajaan komited memastikan setiap rakyat negara ini menikmati akses kepada makanan mencukupi, selamat dan berkhasiat.

Beliau berkata, kestabilan bekalan makanan memerlukan perhatian serius, lantas menuntut pendekatan *whole-of-nation* yang

membabitkan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan setiap individu.

"Kerajaan akan terus berusaha melalui pembangunan indikator khusus untuk mengukur tahap keterjaminan, memperkasakan industri akuakultur dan memperluas sektor ruminan negara sebagai asas untuk sistem makanan yang kukuh," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR